

# Pendidikan Pengurusan Kewangan

## Educating on Financial Management



### Buku Wang Saku

Bagi memupuk pengurusan kewangan berhemat sejak usia muda, Bank telah memulakan Program Sekolah Angkat pada tahun 1997 berlandaskan program yang diperkenalkan oleh Dr Zeti pada tahun 1996 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan institusi kewangan. Program ini berkembang di mana lebih 10,000 buah sekolah di seluruh negara telah dijadikan anak angkat oleh institusi kewangan. Sejak tahun 1999, sebanyak 15.5 juta naskah Buku Wang Saku telah diedarkan kepada pelajar di seluruh negara.

*To inculcate prudent financial management from a young age and building on a programme initiated by Dr Zeti in 1996 in collaboration with the Ministry of Education and financial institutions, the Bank started a School Adoption Programme in 1997. It went on to grow significantly; more than 10,000 schools nationwide were adopted by financial institutions. Since 1999, a total of 15.5 million copies of Buku Wang Saku (pocket money books) were distributed to students nationwide.*

### Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK)

*Ombudsman for Financial Services (OFS)*

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan, dilancarkan pada tahun 2005. Ia bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian dalam kalangan ahlinya yang terdiri daripada institusi kewangan, pengendali sistem pembayaran dan penyedia perkhidmatan kewangan dengan pelanggan mereka.

*The Ombudsman for Financial Services (OFS), formerly known as Financial Mediation Bureau, which was launched in 2005, aims to settle disputes between its members— financial institutions, payment system operators and financial service providers— and their customers.*



### Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, AKPK

Pada bulan April 2006, Bank memulakan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang memberikan nasihat pengurusan kewangan kepada pengguna. AKPK juga membantu dalam penjadualan atau penstrukturan semula pinjaman dengan menyediakan rancangan pembiayaan semula yang disetujui oleh pengguna dan institusi pemberi pinjaman. Bertu pejabat di Kuala Lumpur, AKPK mempunyai pejabat wilayah di beberapa negeri di negara ini.


*In April 2006, the Bank established the Credit Counselling and Debt Management Agency (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, AKPK) to provide debt management advice to consumers. It also facilitates loan rescheduling or restructuring with repayment plans agreed upon by both the consumers and the lending institutions. AKPK, headquartered in Kuala Lumpur, has regional offices in several parts of the country.*

# Muzium dan Galeri Seni

## Museum and Art Gallery

Dari Muzium Mata Wang, ianya berkembang menjadi Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM MAG). Ia menawarkan pembelajaran tidak formal serta interaktif tentang ekonomi Malaysia, peranan Bank Negara Malaysia di dalam pembangunan ekonomi serta landskap kewangan negara sejak zaman pra-kemerdekaan sehingga kini. Muzium ini menampilkan koleksi khazanah numismatik yang seusia sejarah negara serta koleksi karya-karya seni yang dinamik dari Malaysia dan rantau ASEAN. Ia turut menawarkan pameran sementara yang berinovatif serta program-program khas serta aktiviti jangkauan luar.

*Expanded from the Money Museum, Bank Negara Malaysia Museum and Art Gallery (BNM MAG) offers informal and interactive learning on the Malaysian economy, the Bank's roles in the nation's economic development and financial landscape since pre-independence to the present-day. The Museum also showcases numismatic treasures that are as old as history as well as its dynamic collection of Malaysian and ASEAN artworks. It also offers innovative temporary exhibitions, special programmes and outreach activities.*



Galeri Ekonomi  
Economics Gallery



Galeri Numismatik  
Numismatics Gallery



Galeri Kanak-kanak  
Children's Gallery



Galeri Seni  
Art Gallery



Galeri Bank Negara Malaysia  
Bank Negara Malaysia Gallery



Galeri Kewangan Islam  
Islamic Finance Gallery

### Fakta Menarik!

#### Fun Facts!

- 80% daripada pameran bersifat interaktif! Ia menggalakkan "pembelajaran sambil bermain" yang menyeronokkan!  
*80% of the exhibits are interactive! They promote fun experiential learning!*
- Sehingga kini, BNM MAG menganjurkan lebih 33 pameran sementara dalam pelbagai tema  
*To date, BNM MAG has organised 33 temporary exhibitions in various themes*
- Koleksi Numismatik: lebih daripada 30,000 artefak  
*Numismatic Collection: more than 30,000 artefacts*
- Koleksi Seni: Lebih daripada 2,000 karya seni  
*Art Collection: More than 2,000 artworks*
- Peningkatan 99% dalam kadar celik kewangan di kalangan pengunjung  
*99% increase in the financial literacy rate among visitors*